

Headline	Jumlah penghidap HIV sebenar melebihi statistik		
Date	24. Feb 2009	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	33
Section	Sentral	Article Size	214 cm2
Circulation	192917	Frequency	Daily
Readership	1521000	Color	Full Color
		AdValue	4542.36



Jumlah penghidap HIV sebenar melebihi statistik

KUALA LUMPUR: Jumlah penghidap HIV di Malaysia mungkin meningkat daripada statistik sebenar yang ada pada ketika ini kerana masih ramai rakyat negara ini yang tidak menjalani pemeriksaan saringan HIV.

Exco Yayasan Pink Triangle (PT), Khartini Slamah, berkata sehingga Jun tahun lalu, seramai 82,704 rakyat negara ini menghidap HIV berikutan pelbagai faktor jangkitan.

"Jumlah itu dijangka meningkat sekali ganda sekiranya semua rakyat negara ini menjalani ujian saringan HIV dan ia adalah perkara yang sangat membimbangkan.

"Lebih membimbangkan lagi, kadar jangkitan HIV

di kalangan wanita juga semakin meningkat iaitu daripada 14 peratus pada 2007 kepada 16 peratus pada 2008," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Hari Peringatan Sedunia 2009 dan pelancaran Projek Kesedaran HIV/Aids di sini, kelmarin.

Hadir sama pada majlis yang bertemakan 'kita boleh mencegah Aids, malaria dan penyakit lain daripada berleluasa' itu ialah Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk M Saravanan yang merasmikan majlis pelancaran itu dan Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM), Datin Zalillah Mohd Taib.



AHLI Pandu Puteri menunjukkan logo Pandu Puteri sempena majlis Hari Peringatan Sedunia 2009 dan Pelancaran Projek Kesedaran HIV/AIDS.